

KHIDMAT PELANGGAN

PIAGAM PELANGGAN

Kami komited untuk menyediakan maklumat, garis panduan dan bantuan profesional bagi semua keperluan perbankan anda.

Kami komited untuk sentiasa meningkatkan dan menambah baik mutu perkhidmatan dan infrastruktur kami bagi memastikan agar perkhidmatan yang kami sediakan sentiasa memenuhi dan melebihi jangkaan pelanggan kami.

Kami akan berusaha untuk memberikan maklumat yang adil dan tepat tentang produk dan perkhidmatan kami.

Kami menghargai komunikasi anda. Justeru itu adalah menjadi matlamat kami untuk sentiasa menyediakan perkhidmatan yang pantas dan beradab setiap kali anda berkomunikasi dengan kami.

Kami mengaku janji untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat peribadi yang diberikan kepada kami, melainkan dibenarkan oleh anda, atau diperlukan oleh undang-undang untuk berbuat demikian.

Kami mengalu-alukan sebarang komen, maklum balas atau pertanyaan yang akan membantu kami untuk memahami keperluan anda dengan lebih baik. Kami akan memberi respon kepada maklum balas dan pertanyaan anda secepat mungkin.

Sekiranya anda tidak berpuashati dengan perkhidmatan kami, anda boleh menyuarakan pendapat anda melalui:



Pusat Panggilan : 03-5522 3000



E-mel : yourvoice@affinbank.com.my



Tulis : Affin Bank Berhad
Perkhidmatan Pelanggan & Kualiti
Tingkat 12, Menara Affin
80, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur.